

# 33 IPTA dan PTS sertai Debat Perpaduan Peringkat Kebangsaan

UB 21.6.13 B5



JEJAK PERPADUAN

**KOTA KINABALU:** Negeri Sabah akan menjadi tuan rumah Pertandingan Debat

Perpaduan Peringkat Kebangsaan Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang akan diadakan di Kota Kinabalu pada 28 Jun hingga 2 Julai ini.

Sebanyak 33 buah Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta bakal menyertai Pertandingan Debat Perpaduan Peringkat Kebangsaan itu dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

(JPNIN) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Jurucakap pengajur, Sitti Noryati Mohd Shafrie berkata, ia akan menyaksikan seramai 132 orang pelajar berdebat bagi merebut Piala Pusingan Debat Perpaduan dan juga hadiah berupa Wang Tunai serta Piala Iringan.

Pertandingan akhir akan diadakan di Auditorium Kompleks Pentadbiran

Kerajaan Persekutuan Sabah pada 2 Julai 2013 (Selasa) yang bermula pada jam 8.00 pagi.

Majlis perasmianya dijangka disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup.

Orang ramai dan pelajar adalah dijemput untuk turut sama hadir bagi memberi sokongan moral kepada para pendebat.



NURUL Akmalina menyampaikan hadiah kepada pemenang,